Wintsun Durai a/l Samuel Vidamonickam lwn Azlan bin Samad

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN SIVIL NO 12–28 TAHUN 1999
RAMLY ALI H
21 MEI 2002

Ganti Rugi (Kecederaan atau Kematian) — *Kecederaan kediri — Pemendekan dan patah kaki — Femur kiri yang patah melintang — Pemendekan kaki kiri — Kesan parut — Kecederaan pada tangan kiri — Pelecetan*

Lalu Lintas Jalan Raya — *Kecuaian — Testimoni bercanggah — Perlanggaran antara du motorsikal — Rayuan terhadap keputusan hakim perbicaraan yang menolak tuntutan plaintif — Sama ada versi defendan lebih berkemungkinan — Sama ada terdapat salah arah oleh hakim perbicaraan — Sama ada mahkamah rayuan patut campur tangan dengan penemuan-penemuan yang telah dibuat*

Kemalangan plaintif dan defendan, kedua-duanya penunggang motosikal, berlaku pada waktu malam di satu perizaban pusat di tengah-tengah jalan. Versi plaintif adalah bahawa beliau sedang menuju ke arah Raub apabila beliau berhenti di perizaban pusat tersebut untuk membelok ke kanan. Ketika berhenti di perhentian trafik tersebut, defendan datang daripada arah yang bertentangan dan melanggar plaintif. Versi defendan sebaliknya pula adalah bahawa kemalangan tersebut telah berlaku di sebelah bahagian jalan beliau (defendan) dan bahawa silau daripada cahaya lampu depan daripada sebuah kenderaan lain yang terang telah membuat beliau tidak dapat melihat sejenak, yang menyebabkan beliau terlanggar motosikal plaintif. Mahkamah sesyen telah menolak tuntutan plaintif terhadap defendan. Berhubung dengan award ke atas ganti rugi, hakim perbicaraan telah mengawardkan satu jumlah sebanyak RM68,850 yang terdiri daripada: (a) RM45,000 untuk fraktur melintang (transverse fracture) tulang paha kini, pemendekkan kaki kiri sebanyak 4.5sm dan parut; (b) RM30,000 untuk kecederaan pada tangan kiri; dan (c) RM1,500 kerana luka. Beliau telah menolak 10% kerana pertindihan. Plaintif telah merayu.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Mahkamah bersetuju dengan keputusan hakim perbicaraan bahawa tempat di mana kemalangan tersebut telah berlaku adalah sebuah pusat perizaban di dalam lingkungan maksud Kaedah-Kaedah Tanda-Tanda Lalulintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959. Kedudukan anak panah putih yang terletak di pusat perizaban tersebut bermakna bahawa tiada siapa boleh berhenti atau memasuki pusat perizaban tersebut dan bahawa keputusan hakim perbicaraan berhubung dengan perkara ini adalah juga betul (lihat ms 342C–E).

(2) Mahkamah berhadapan dengan dua versi yang bercanggahan berhubung dengan bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku dan mahkamah terpaksa mempertimbangkan versi yang mana adalah lebih berkemungkinan atau yang tidak berkemungkinan. Berdasarkan kedudukan motosikal-motosikal tersebut selepas berlakunya kemalangan itu dan hakikat bahawa kaca pecah serta tanda-tanda darah plaintif terdapat di bahagian jalan defendan, versi defendan adalah lebih berkemungkinan (lihat ms 343A–E).

(3) Sehubungan itu, plaintif telah gagal melepaskan beban membukti bahawa defendan adalah cuai atas imbangan kebarangkalian. Oleh kerana tidak terdapat salah-arahan oleh hakim perbicaraan, mahkamah ini tidak akan mengganggu dengan keputusan yang telah dibuat. Oleh itu, keputusan hakim perbicaraan bahawa plaintif bertanggungan 100% bagi kemalangan tersebut dikekalkan (lihat ms 344B–C, 344G).

(4) Berhubung dengan rayuan bagi kuantum ganti rugi yang diawardkan, mahkamah berpuas hati bahawa award yang diberikan oleh hakim perbicaraan adalah berpatutan dan wajar, dengan mempertimbangkan kecederaan-kecederaan yang sama dalam kes-kes lain. Oleh yang demikian, hakim perbicaraan telah tidak membuat taksiran yang salah atau bertindak atas prinsip yang salah atau membuat satu anggaran ganti rugi yang sama sekali salah. Selanjutnya, award tersebut adalah tidak terlalu rendah (lihat ms 346F, 347C–D).

[English summary

The accident between the plaintiff and the defendant, both motorcyclists, occurred in the night time at a central reservation in the middle of the road. The plaintiff's version was that he was heading towards Raub when he stopped at the central reservation to make a right turn. Whilst at the traffic island, the defendant approached from the opposite direction and hit the plaintiff. The defendant's version on the other hand was that the accident occurred at his (defendant) side of the road and that the glare from the bright headlights of another vehicle had momentarily blinded him, causing him to crash into the plaintiff's motorcycle. The sessions court dismissed the plaintiff's claim against the defendant. As for the award on damages, the trial judge awarded a sum of RM68,850 comprised of: (a) RM45,000 for transverse fracture of the left femur, shortening of the left leg by 4.5cm and scars; (b) RM30,000 for injury to the left hand; and (c) RM1,500 for lacerations. He deducted 10% for over-lapping. The plaintiff appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) The court agreed with the trial judge's finding that the place at which the accident occurred was a central reservation within the

meaning of the Traffic Signs (Size, Clolur and Type) Rules 1959. The position of the white arrow placed at the central reservation meant that no one was to enter or stop at the central reservation and the trial judge's finding in this regard was also correct (see p 342C–E).

(2) The court was faced with two conflicting versions as to how the accident occurred and the court had to consider which version was more inherently probable or improbable. Based on the positions of the motorcycles after the accident and the fact that broken glass and the plaintiff's blood stains were found on the defendant's side of the road, the defendant's version was more probable (see p 343A–E).

(3) Accordingly, the plaintiff had failed to discharge the burden of proving that the defendant was negligent on a balance of probabilities. Since there was no misdirection by the trial judge, this court would not interfere with the findings made. Therefore, the trial judge's decision that the plaintiff was 100% liable for the accident was maintained (see pp 344B–C, 344G).

(4) As for the appeal of the quantum of damages awarded, the court was satisfied that the award given by the trial judge was reasonable and appropriate, having regard to the similar injuries in other cases. As such, the trial judge had not made a wrong assessment or acted on a wrong principle or made an entirely erroneous estimate of the damages. Further, the award was not manifestly low (see pp 346F, 347C–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pemendekan dan patah kaki, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 574–582.

Untuk kes-kes mengenai percanggahan testimoni, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 322.

Kes-kes yang dirujuk

Balakrishnan s/o Kunjamboo Nair v Sarastine Anthony [1991] 1 CLJ 503 (dirujuk)

Chong Chee Khong & Anor v Ng Yeow Hin [1997] MLJU 13 (dirujuk)

Chung Hwa Ying v Phang Mun Mooi & Anor [1987] 2 MLJ 693 (dirujuk)

Fatimah bte Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor [1994] MLJU 190 (dirujuk)

Krishna Murthey & Anor v Low Lye Chua [1992] 1 CLJ 684 (dirujuk)

Ng Chul Sia v Maimon bt Ali [1983] 1 MLJ 110

Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324 (dirujuk)

Panirselvi d/o AN Manickam v Toh Bee Lien & Anor [1995] 4 CLJ 567 (dirujuk)

Rasidin bin Parrojo v Frederik Kim [1976] 2 MLJ 214 (dirujuk)

A *Ravindran & Anor v Harun bin Salleh* [1992] MCL para 902 (dirujuk)
Ravindran s/o Veerasamy v Harun bin Salleh [1993] CLJ 23 (dirujuk)
Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo v Chia Mun Fok [1989] 1 CLJ 985 (dirujuk)
Sherman a/l Appora & Anor v Wong Chin Hoe [1996] MCL para 1010 (dirujuk)
B *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 (dirujuk)
Tabaran bin Mohd Arshad & Anor v Chen Tean Yew [1999] 2 AMR 1884 (dirujuk)
Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22 (dirujuk)
C *Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 777 (dirujuk)
Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Hj Ahmad [1985] 1 MLJ 50 (dirujuk)
Wong Yeen Pen v Sharifudin bin Yusof [1989] 2 CLJ 303 (dirujuk)
D *Zainap bte Abd Majid & Ors v Eng Hua & Ors* [1995] 1 MLJ xivi (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

E Kaedah-Kaedah Tanda-Tanda Lalulintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 k 12(1)(b)(g), (4)(b)(c)

Rayuan daripada: Saman No 53–1919 tahun 1995 (Mahkamah Sesyen, Temerloh)

Harjeet Singh (*PS Sohanpal & Sidin*) bagi pihak perayu.
F *Andrew Khoo* (*Khoo & Sidhu*) bagi pihak responden.

Ramly Ali H: Pihak perayu di dalam rayuan ini adalah merupakan plaintif di dalam Kes Saman No 53–191–95 di Mahkamah Sesyen Temerloh, di mana beliau telah mengambil tindakan sivil terhadap responden untuk mendapatkan ganti rugi akibat satu kemalangan jalanraya yang berlaku
G pada 7 Januari 1995 di antara motosikal bernombor CW 9049 yang ditunggang oleh perayu dengan motosikal bemombor CAG 8653 yang ditunggang oleh responden di Km 1, Jalan Raub-Batu Malim, Pahang. Perayu memohon ganti rugi am dan khas berkaitan kecederaan tubuh badan yang telah dialami akibat kemalangan tersebut. Pada 23 Ogos 1999, selepas satu perbicaraan penuh, Hakim Mahkamah Sesyen Temerloh telah
H menolak tuntutan perayu dengan kos. Perayu, tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

Fakta kes

Fakta-fakta yang telah diterima oleh hakim mahkamah sesyen dan tidak
I dipertikaikan oleh pihak-pihak adalah seperti berikut:

Kemalangan tersebut berlaku lebih kurang jam 7.35 malam (7 Januari 1995) di antara motosikal yang ditunggang oleh perayu dengan motosikal

yang ditunggang oleh responden di Km 1, Jalan Raub-Batu Malim. Motosikal perayu (CW 9049) menghala dari arah Jalan Cheroh manakala responden pula datang dari arah bertentangan iaitu dari arah Raub. Kemalangan berlaku dekat hujung suatu petak bujur yang bergarisan berkembar di tengah jalan — biasanya lebih dikenali sebagai 'central reservation' atau 'traffic island'. Kedudukan jalan di tempat kemalangan akan lebih difahami dengan meneliti rajah kasar yang telah diterima sebagai keterangan semasa perbicaraan (P–1a). Mengikut perayu (SP1) pada masa yang material, beliau sedang dalam perjalanan dari arah Cheroh menuju ke arah Raub. Mengikut perayu lagi, apabila beliau sampai dekat suatu simpang di sebelah kanannya, beliau berhenti di hujung 'central reservation' tersebut, di garisan berkembar tengah jalan untuk membelok ke kanan. Beliau nampak sebuah motosikal datang dari arah bertentangan (dari arah Raub) dengan laju. Apabila perayu nampak motosikal tersebut buatkali pertama, jaraknya ialah 24 kaki. Beliau berhenti di tengah jalan. Motosikal tersebut telah melanggar motosikalnya. Beliau telah menandakan tempat kemalangan tersebut dengan huruf 'X' dalam dakwat merah di atas rajah kasar — P–1a. Beliau telah membuat lapuran polis melalui P–2.

Responden (SD1) pula menyatakan beliau sedang dalam perjalanan dari bandar Raub menuju ke arah Cheroh. Kelajuannya adalah lebih kurang 60km sejam. Beliau nampak sebuah motosikal berhenti di tengah jalan. Pada masa itu beliau disuluh oleh satu cahaya lampu kenderaan yang tinggi dan telah melanggar motosikal perayu. Responden telah membuat lapuran polis seperti D–8. Pembonceng motosikal responden, (SD2) tidak nampak bagaimana perlanggaran tersebut berlaku.

Pegawai penyiasat polis, (SP2) telah membuat rajah kasar dan kunci (P–1a–P–1b). Rajah kasar menunjukkan di pertengahan jalan tersebutada petak bujur yang mengandungi garisan penjuru (central reservation). Daripada arah Cheroh sehingga petak tersebut ada garisan berkembar di tengah jalan. Bersetentang dengan pertengahan petak bujur mengarah ke Raub, ada satu garisan putus-putusdan pada hujung petak bujur (menghala ke Raub) ada satu lagi garisan putus-putus mengarah ke Raub. Ada anak panah (di atas jalan raya) di sebelah kiri dan kanan, di bahagian hujung petak bujur tersebut. Satu anak panah menghala ke arah Cheroh. Satu lagi anak panah menuju ke arah Raub. Terdapat satu lagi anak panah yang muncul daripada anak panah yang menuju ke Raub. Anak panah ini menghala ke kiri dari arah Cheroh ke Raub. Terdapat dua simpang di sebelah kiri dan kanan jalan berhampiran tempat kemalangan ie lebih kurang 50m daripada tempat berlakunya perlanggaran. Mengikut SP2, beliau tidak melukiskan simpang-simpang tersebut dalam rajah kasarnya kerana kedudukannya yang agak jauh daripada tempat perlanggaran. SP2 juga telah mengemukakan gambar-gambar di tempat kemalangan (P–7a hingga P–7e). Gambar-gambar tersebut diakui oleh peguam responden. Gambar P–7a menunjukkan hala dari arah Cheroh, manakala gambar P–7b menunjukkan hala dari arah Raub. Daripada penandaan 'X' dalam dakwat merah oleh perayu, perlanggaran tersebut berlaku di bahagian penghujung petak bujur di sebelah arah Raub. Daripada kedudukan serpihan kaca di

dalam rajah kasar (P–1a), nampaknya serpihan kaca lebih banyak bertaburan di luar kawasan petak bujur tersebut, di sebelah jalan dari arah Raub menuju ke Cheroh.

Isu yang penting ialah di mana dan bagaimana perlanggaran tersebut berlaku. Adakah di jalan sebelah Cheroh menuju ke Raub, atau di jalan sebelah Raub menuju ke Cheroh atau di dalam kawasan petak bujur bergarisan (central reservation), Isu ini akan dapat membantu mahkamah di dalam memutuskan siapakah yang telah menyebabkan perlanggaran tersebut atau samada perayu sebagai plaintif telah berjaya membuktikan bahawa responden telah bertindak cuai dan menyebabkan perlanggaran tersebut.

Prinsip undang-undang

Untuk tujuan tersebut, mahkamah perlu meneliti dan menilai semula semua keterangan dan fakta yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak semasa perbicaraan di hadapan hakim mahkamah sesyen. Secara prinsip amnya, mahkamah ini boleh berbuat demikian di peringkat rayuan ini kerana pendengaran di peringkat rayuan adalah merupakan perbicaraan semula (rehearing) kes berkenaan. Perlu ditegaskan di sini bahawa adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sesuatu mahkamah rayuan tidak mudah bercampur tangan dengan pendapat mahkamah perbicaraan mengenai fakta kerana undang-undang telah mengamanahkan tugas utama untuk menilai keterangan yang diberikan kepada mahkamah perbicaraan. Walau bagaimanapun, mahkamah rayuan mempunyai kewajipan untuk bercampurtangan di mana mahkamah perbicaraan telah memberi satu salah arah (misdirection) yang asas kepada dirinya, di mana seseorang boleh berkata bahawa tiada mahkamah yang munasabah yang telah memberikan arahan yang betul dan bertanyakan soalan yang betul akan mencapai kesimpulan yang serupa. (Ini telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395). Wan Sulaiman HP di dalam kes *Rasidin bin Partojo v Frederik Kim* [1976] 2 MLJ 214, telah memutuskan di ms 215:

> A Court of Appeal always starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails.

Begitu juga di dalam kes *Chung Hwa Ying v Phang Mun Mooi & Anor* [1987] 2 MLJ 693, Mahkamah Agong (pada masa itu) telah memutuskan:

> (1) In normal cases, the appellate court is reluctant to interfere with the judge's conclusion on the facts because as a trial judge he had the opportunity to see and hear the witnesses and is in a better position to weigh their evidence.
>
> (2) In the present appeal, however, the trial judge had failed to make proper use of this opportunity and has come to a wrong conclusion on the facts which in the circumstances necessitates the appellate court to interfere and prevent a miscarriage of justice.

Pendapat mahkamah

Apa yang perlu diperhatikan oleh mahkamah ini di dalam rayuan ini ialah samada hakim mahkamah sesyen yang membicarakan kes ini telah melakukan satu salah arah (misdirection) yang asas kepada dirinya: atau telah mengambilkira perkara-perkara yang tidak material dan tidak relevan: atau telah gagal mengambilkira keterangan yang material atau relevan atau telah membuat inferens yang salah daripada fakta dan keterangan yang ada, di dalam mencapai keputusannya.

Tidak dapat dinafikan bahawa keadaan dan kedudukan jalan di tempat perlanggaran agak susah hendak difahami melainkan kita merujuk dan meneliti rajah kasar yang berkaitan. Rajah kasar tersebut telah pun dilukis oleh pegawai penyiasat (SP2) dan tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak sepanjang perbicaraan. Rajah kasar tersebut telah diterima sebagai keterangan (eksh P-1a).

Mahkamah bersetuju dengan pendapat hakim mahkamah sesyen bahawa petak bujur bergarisan di tempat kejadian adalah merupakan satu 'central reservation' di mana mengikut Kaedah-Kaedah Tanda-Tanda Lalulintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 (LN 166/59), ditakrifkan sebagai:

> Any provision made in a road, not being the provision of a street refuge, for dividing the road for the safety or guidance of vehicular traffic.

Daripada gambar P-7a, nampak ada satu anak panah (warna putih) yang menghala dari garisan berkembar di tengah jalan ke arah tepi jalan. Gambar P-7b pula ada menunjukkan satu anak panah yang menghala dari garisan berputus-putus di tengah jalan menghala ke arah tepi jalan. Mahkamah ini bersetuju dengan pendapat hakim mahkamah sesyen bahawa maksud kedua-dua anak panah tersebut ialah kenderaan hendaklah mengikut arah ke mana anak panah menghala. Berdasarkan kedudukan kedua-dua anak panah tersebut, mahkamah memutuskan bahawa petak bujur di tengah jalan yang mempunyai garisan iaitu 'central reservation' adalah merupakan kawasan kenderaan dilarang masuk atau berhenti. Ini adalah selaras dengan k 12(1)(b)(g), (4)(b)(c) Kaedah-Kaedah Lalulintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 yang memperuntukkan:

> (1) Lines may be placed on roads for indicating —
> (b) the course to be take by traffic;
> (g) plans at a street or road function over which vehicular traffic shall not remain;
>
> (4) Appropriate words or arrows may be placed on roads to indicate —
> (b) the course to be taken by traffic;
> (c) the places reserved to bus stops, parking places or other reserved or prohibited areas;

Di dalam kes ini, kedua-dua pihak perayu dan responden masing-masing telah memberikan versi yang berlainan tentang bagaimana dan di mana pelanggaran berlaku. perayu (SP1) mengatakan perlanggaran berlaku semasa beliau dengan motosikalnya sedang berhenti di dalam petak bujur bergarisan (central reservation) bertanda 'X', untuk membelok ke simpang sebelah kanan. Manakala responden (SD1) pula mengatakan perlanggaran

A berlaku di laluannya (C–D seperti dalam rajah kasar). Di dalam keadaan di mana kedudukan pihak perayu dan responden memberikan versi yang berlainan tentang perlanggaran tersebut, mahkamah perlu meneliti keterangan-keterangan lain, yang bebas untuk membantunya membuat keputusan. Dalam kes ini keterangan rajah kasar dan kunci yang telah dilukis oleh Pegawai Penyiasat (SP2) adalah penting untuk diambilkira dan
B dipertimbangkan. Dalam konteks ini, mahkamah bersetuju dan menerimapakai keputusan Abdul Malik Ishak H di dalam kes *Tabaran bin Mohd Arshad & Anor v Chen Tean Yew* [1999] 2 AMR 1884 di mana beliau mengatakan:

> When confronted with two conflicting versions, the duty of the trial court was
C to consider which version was inherently probable or improbable. The trial court should have been more meticulous and considered probable versions other than those provided by the parties so long as they were within the scope and ambit of the pleadings and supportable by admissible evidence including neutral evidence.

D Mengikut rajah kasar tersebut kedudukan motosikal perayu (No CW 9049) selepas berlaku perlanggaran dan kebanyakan serpihan kaca akibat perlanggaran itu berada di lorong C–D iaitu lorong laluan responden dari arah Raub ke Cheroh. Kesan darah (yang dipercayai kesan darah perayu mengikut kunci rajah kasar dan tidak dipertikaikan) adalah di lorong B-C, juga di lorong utama laluan responden dari arah Raub ke Cheroh. Fakta-
E fakta ini adalah lebih konsisten dengan versi responden tentang di mana berlakunya perlanggaran. Di dalam kes *Fatimah bte Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok & Anor* [1994] MLJU 190, Lamin HMP, pernah memutuskan:

> In the absence of evidence to the contrary, it is always a safe guide to adopt
F that the point of impact is at or around the point where the pieces of glass are mostly found.

Versi perayu yang mengatakan beliau sedang berhenti di dalam petak bujur bergaris untuk membelok ke simpang sebelah kanan adalah bertentangan dengan keterangan saksi pegawai penyiasat (SP2) yang mengatakan tiada terdapat sebarang simpang ke kanan bertentangan dengan tempat
G perlanggaran. SP2 (yang merupakan saksi perayu) menegaskan bahawa simpang terdekat dengan tempat itu ialah rajah 50m ke arah Raub. Itu sebabnya SP2 tidak melukiskan kedudukan simpang tersebut di dalam rajah kasarnya. Daripada keterangan tersebut, mahkamah berpendapat versi responden adalah lebih 'probable' manakala versi perayu adalah lebih 'improbable'.

H Dalam apa keadaan pun, adalah jelas di bawah undang-undang bahawa seseorang plaintif mesti membuktikan kesnya di atas imbangan kebarangkalian terhadap defendan. Di dalam kes *Ng Chul Sia v Maimon bt Ali* [1983] 1 MLJ 110, Hashim Yeop A Sani H telah memutuskan di ms 111:

I

> When an accidental harm is done, it is not for the doer to excuse himself by proving that the accident was inevitable and that there was no negligence on his part.

> It is for the person who suffers the harm to prove affirmatively that the accidental harm was due to the negligence of the other person. A

Keputusan kes di atas (*Ng Chul Sia*) telah diikuti oleh KC Vohrah H di dalam kes *Krishna Murthey & Anor v Low Lye Chua* [1992] 1 CLJ 684, di mana beliau telah mengatakan:

> The point is that where the story of the plaintiff is disbelieved and that of the defendant is equally disbelieved, liability is not apportioned equally: liability has to be decided on onus proof. B

Di dalam kes sekarang, keterangan keseluruhan lebih memihak kepada versi responden tentang bagaimana dan di mana perlanggaran berlaku. Ini bermakna perayu telah gagal untuk membuktikan beban pembuktiannya terhadap responden di atas imbangan kebarangkalian. Perayu telah gagal membuktikan responden telah cuai dan menyebabkan perlanggaran tersebut. Ini bermakna perayu adalah bertanggungjawab sepenuhnya di dalam menyebabkan perlanggaran tersebut. Jika benar perayu berhenti di tempat yang ditandakan 'X' seperti di dalam rajah kasar seperti versinya, perlanggaran tidak akan berlaku. Kedudukan darah perayu, serpihan kaca dan kesan darah perayu tidak akan sama kedudukannya seperti yang ternyata di dalam rajah kasar (yang tidak dipertikaikan). C D

Peguam perayu telah menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen hanya berdasarkan keputusannya atas satu fakta sahaja iaitu tentang 'central reservation' di tempat kemalangan, dan telah tidak mengambilkira keterangan-keterangan lain. Mahkamah ini telah meneliti keseluruhan nota keterangan dan juga alasan keputusan hakim mahkamah sesyen dan mendapati bahawa dakwaan peguam perayu tersebut adalah tidak berasas. alasan keputusan hakim mahkamah sesyen adalah di ms 8–17 rekod rayuan. Bahagian yang menyentuh tentang soal liabiliti ialah di ms 8–12 rekod rayuan. Daripada alasan keputusan tersebut, mahkamah ini berpuashati bahawa hakim mahkamah sesyen telah mengambilkira semua fakta dan keterangan yang material yang diberikan oleh semua saksi-saksi yang dipanggil oleh kedua-dua pihak termasuk rajah kasar dan gambar-gambar tempat perlanggaran. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen telah membuat inferens dan keputusan yang betul berdasarkan fakta dan keterangan kes ini. Tiada terdapat sebarang salah arah (misdirection) dalam perkara ini. Oleh itu, mahkamah ini memutuskan untuk tidak campurtangan dan mengubah keputusan hakim mahkamah sesyen di dalam soal ini dan dengan itu mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen mengenai liabiliti 100% ke atas pada perayu. E F G

Mengenai kuantum ganti rugi pula, peguam perayu menghujahkan bahawa ganti rugi am yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah jauh lebih rendah daripada trend award-award yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah bagi kecederaan yang sama. Di dalam kes ini, perayu telah mengalami kecederaan-kecederaan yang dinyatakan di dalam P–3 seperti berikut: H

> Traverse fracture of lower end left femur, dislocation of lower end left ulnar and fracture of lower and of left radius, laceration wound over the forehead 5 cm supralabial laceration 3 cm. I

A Perayu telah dimasukkan ke Hospital Raub selama satu hari. Beliau dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur selama empat hari. Beliau masuk semula selepas dua bulan oleh kerana left femur' beliau telah patah semula. Beliau masih menerima rawatan ulangan di Hospital Kuala Lumpur enam bulan selepas tarikh kemalangan. Ketidakupayaan kekal yang dialami oleh perayu adalah seperti yang terkandung di dalam P–5, seperti berikut:

B

> The fracture of the left femur had malunited with angulation and gross shortening. These are permanent disabilities.
>
> The gross shortening of the left thigh will lead to pelvic and lumbar spine tilting while walking. This will result in backstrain and chronic backache. Permanent deformities of the lumbar spine may ensue in long term.

C

> The angulation of the left femur will result in osteoarthritis of the hip and knee joints. It is also the cause of the limp while walking. Correction of the deformity will require osteotomy and interlocking nail fixation. This surgery will cost about RM5000/–.
>
> The stiftness of the left hip, knee and ankle is due to scarring of the left thigh muscles and prolonged immobilisaion of the limb. These will not

D

> improve with physiotherapy.
>
> The wasting of the left thigh and calf is due to prolonged immobilisation disuse of the limb. This too, will not improve with physiotherapy due to the stiffness of the joints.
>
> The fracture of the left distal radius had malunited with ventro-lateral

E

> fitting. There is also disruption of the distal radio-ulnar joint. This is the cause of pain and stiffness of the wrist and the poor grip in the hand. These will be permanent disabilities.
>
> The wasting of the left arm and forearm muscles is due to prolonged immobilisation and disuse of the limb. This may not improve with physiotherapy due the stiffness of the wrist.

F

> The shortening of the left little finger is due to the malunited fracture of the sfh metarcarpal bone. This will be a permanent disability.
>
> The scars sustained in the accident and the operations are permanent.
>
> The metallic implants on the left radius will require removal in due course. It will involve an operation under general anaesthesia and will cost

G

> about RM1500.
>
> Mr Witsun Durai a/l Samuel Vidamonickam has permanent disabilities of the left thigh, left wrist and the left hand. He will have difficulties in undertaking jobs and activities that require standing, walking, running, jumping, climbing, squatting, carrying of weights and those requiring the free use of the hands.

H

Hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan sejumlah RM45,000 untuk kecederaan 'transverse fracture of lower end left femur', kependekan kaki kiri 4.5sm dan parut-parut pembedahan; RM30,000 untuk kecederaan kepada tangan kiri perayu dan RM1,500 untuk 'lacerations'. Selepas menolak 10% untuk 'overlapping', jumlah akhir bagi kecederaan adalah

I

RM68,850.

Bidang kuasa mahkamah rayuan untuk campurtangan di dalam penaksiran award ganti rugi pernah diputuskan oleh Abdul Hamid HB

(Malaya) di dalam kes *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22 di mana beliau telah memutuskan di ms 23:

> The principle which could guide the court in determining whether it should interfere with the quantum of damages is crystal clear ... much depend on the circumstances of each case, in particular the amount of the award. In a particular case therefore it is for the appeal court to consider whether in the light of the circumstances of the case there is an erroneous estimate of the amount of damages in that either there was an omission on the part of the judge to consider some relevant materials or he had admitted for purposes of assessment some irrelevant consideration. If the court is satisfied or convinced that the Judge has acted upon wrong principle of law then it is justified in reversing; indeed it is its duty to reverse the finding of the trial judge.

Begitu juga di dalam kes *Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 777, Mahkamah Persekutuan telah juga memutuskan di ms 799:

> ... The two situations in which an appellete court would be justified in interfering by reassessment of the damages would be where the trial judge had acted on a wrong principle or had made an entirely erroneous estimate of the damages. In this case, the judge's basis of assessment could not be supported in law.

Syed Agil Barakbah HP di dalam kes *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324 (di ms 334) mengatakan:

> It must be borne in mind that damages for personal injuries are not punitive and still less a reward. They are simply compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act and for all the natural and direct consequences of the wrongful act, so far as money can compensate.

Mahkamah telah meneliti alasan keputusan hakim mahkamah sesyen mengenai perkara ini dan berpuashati bahawa award yang telah diberikan oleh beliau adalah munasabah dan berpatutan setelah mengambilkira panduan-panduan award bagi kecederaan yang serupa di dalam beberapa kes yang pernah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah sebelum ini, setelah mengambilkira fluktuasi nilai matawang semasa. Untuk award RM45,000 bagi kecederaan 'transverse fracture of lower end left femur, kependekan kaki kiri 4.5sm ketiadakupayaan kekal dan parut-parut pembedahan, hakim mahkamah sesyen telah merujuk kepada kes-kes: *Wong Yeen Pen v Sharifudin bin Yusof* [1989] 2 CLJ 303; *Balakrishnan s/o Kunjamboo Nair v Sarastine Anthony* [1991] 1 CLJ 503; *Panirselvi d/o AN Manickam v Toh Bee Lien & Anor* [1995] 4 CLJ 567; *Ravindran s/o Veerasamy v Harun bin Salleh* [1993] CLJ 23; dan *Chong Chee Khong & Anor v Ng Yeow Hin* [1997] MLJU 13.

Bagi award RM30,000 untuk 'dislocation of lower end of left ulnar, fracture of lower end of left radius', ketidakupayaan yang kekal, pembedahan pada masa hadapan, kependekan 'left little finger', beliau telah berpandukan rujukan kepada kes-kes: *Seow Gek Soo @ Yeo Gek Soo v Chia Mun Pook* [1989] 1 CLJ 985; *Zainap bte Abd Majid & Ors v Eng Hua & Ors* [1995] 1 MLJ xivi; *Sherman a/l Appora & Anor v Wong Chin Hoe* (1996)

A MD para 1010; *Ravindran & Anor v Harun bin Salleh* (1992) MD para 902; dan *Fatimah bt Derakman v Wan Jusoh bin Wan Kolok* [1994] MLJU 190.

Bagi ganti rugi untuk kehilangan keupayaan bekerja, perayu menyatakan beliau bekerja sebagai tukang kebun di sebuah sekolah dan juga membuat kerja sambilan sebagai pemotong rumput di Kilang Plywood
B Pan Malaysia Wood Berhad pada masa kemalangan. Beliau masih bekerja sebagai tukang kebun di sekolah tersebut. Mengenai kerja sambilan di kilang tersebut, tiada keterangan lain untuk menguatkan dakwaan perayu. Majikan kilang tersebut tidak dapat dikesan kerana kilang tersebut telah ditutup. Oleh itu, mahkamah bersetuju dengan pendapat hakim mahkamah sesyen bahawa pihak perayu telah gagal membuktikan tuntutannya bagi
C kehilangan keupayaan bekerja. Perayu juga menyatakan bahawa beliau tidak dapat bekerja selama tujuh bulan selepas kemalangan, tetapi beliau tidak dapat membuktikan bahawa beliau tidak dapat gaji sebagai tukang kebun di sekolah semasa cuti sakit sepanjang tempoh tersebut.

Berdasarkan kedudukan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa
D hakim mahkamah sesyen tidak membuat taksiran yang salah mengenai award yang dibuat atau telah bertindak di atas 'a wrong principle or had made an entirely erroneous estimate of the damages'. Award tersebut tidak boleh dianggap sebagai terlampau rendah (manifestly low).

Peguam perayu juga menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen
E patut membuat taksiran yang *berasingan* untuk kepatahan dan kependekan, parut-parut, 'wasting' dan 'reduction of movements' bagi kaki kiri perayu. Mengikut peguam perayu jumlah untuk kesemua kecederaan kepada kaki kiri perayu mestilah lebih dari RM55,000, dan ganti rugi am secara keseluruhan untuk kecederaan, kesakitan dan kehilangan ameniti secara global adalah sebanyak RM95,000.

F Mahkamah tidak bersetuju dengan cara taksiran berasingan seperti yang dicadangkan oleh peguam perayu. Taksiran berasingan hanya sesuai sekiranya bahagian tubuh badan yang cedera merupakan bahagian yang berasingan, contohnya, kaki, kepala, tangan dan sebagainya. Adalah amat tidak sesuai untuk membuat taksiran berasingan bagi kecederaan di bahagian tubuh badan yang sama. Sekiranya kecederaan melibatkan satu
G bahagian tubuh badan yang sama, maka adalah lebih sesuai dibuat taksiran secara global bagi kecederaan tersebut. Prinsip taksiran secara global ini telah pun diputuskan oleh Mohd Azmi HP, di dalam kes *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Hj Ahmad* [1985] 1 MLJ 50 (FC). Prinsip yang sama telah diikuti oleh RK Nathan J di dalam kes *Chong Chee Khong & Anor*
H *v Ng Yeow Hin* [1997] MLJU 13. Membuat taksiran secara berasingan terhadap kecederaan di bahagian tubuh yang sama seperti yang dicadangkan oleh peguam perayu adalah tidak munasabah dan akan mengakibatkan jumlah award yang terlalu berlebihn bila dicampurkan.

Perayu juga memohon award bagi parut-parut kelukaan dan lepas pembedahan. Mahkamah berpendapat award tersebut tidak patut diberikan
I kerana parut-parut tersebut merupakan sebahagian daripada kecederaan dan kelukaan di mana awardnya telah termasuk di dalam award global yang diberikan bagi bahagian tubuh badan berkenaan. Dalam aspek ini,

mahkamah sangat bersetuju dan menerimapakai keputusan RK Nathan H di dalam kes: *Chong Chee Khong* di mana beliau mengatakan:

> I make no award for the scars. The scars were as a result of the operations conducted. They become an integral part of the award that has already been made. An express award of damages for the scars which arose out of the need to operate, is a clear example of dublicating awards.

Peguam perayu juga di dalam hujahannya menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen tidak patut mengurangkan 10% untuk 'overlapping' bagi taksiran award kepada kecederaaan di kaki kiri perayu. Mahkamah berpendapat bahawa hujahan sedemikian adalah tidak berasas. Sebagai penjelasan mengenai isu tersebut, mahkamah ingin memetik dan menerimapakai kenyataan yang telah dibuat oleh RK Nathan H di dalam kes *Chong Chee Khong* di mana beliau mengatakan:

> However, there should not be a mechanical application of a fixed 10% or 20% deduction for overlapping. Overlapping is to be considered where there are multiple injuries because the general handicaps, discomfort, pain and suffering, detention in hospital, inability to move about or enjoy recreation could be common to any or all of the injuries sustained. An unfattered discreation must be given to the court hearing the same to take off a certain sum for overlapping.

Di dalam kes sekarang, mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen mempunyai budi bicara untuk mengurangkan 10% daripada global award berkaitan dengan kecederaan di kaki kiri perayu sebagai 'overlapping'. Perlaksanaan budi bicara tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang dan adalah munasabah di dalam kes ini.

Keputusan

Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah ini memutuskan bahawa pihak perayu telah gagal untuk meyakinkan mahkamah bahawa hakim mahkamah sesyen telah membuat keputusan yang salah atau bertentangan dengan undang-undang baik mengenai liabiliti mahupun mengenai kuantum ganti rugi di dalam keputusannya bertarikh 23 Ogos 1999. Oleh itu, mahkamah tidak bercadang untuk campurtangan atau mengubah keputusan tersebut. Oleh itu, keputusan tersebut dikekalkan dan rayuan pihak perayu mengenai liabiliti dan kuantum ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na